Brunei - Filipina bincang hal ehwal pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina terus meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan bagi kepentingan bersama.

Sehubungan itu, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menerima kunjungan muhibah daripada Setiausaha Jabatan Pendidikan Republik Filipina, Yang Berhormat Mario A.Deriquito.

Dalam kunjungan muhibah itu, perbincangan dua hala telah dibuat yang menyentuh mengenai hal ehwal pendidikan di kedua-dua buah negara.

Dalam sesi perbincangan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih atas sumbangan yang telah diberikan oleh guru-guru dari Republik Filipina yang turut sama membantu dalam perkembangan pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini, seramai 300 guru dari Republik Filipina bertugas di beberapa buah institusi pendidikan swasta di Negara Brunei Darussalam.

Perbincangan juga menyentuh mengenai kerjasama dan peranan kedua-dua buah negara khususnya penglibatan dalam program dan aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH.

Turut hadir semasa kunjungan muhibah ini Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Charge d' Affaires & Vice Consul, Kedutaan Besar Republik Filipina, Melvin C. Almonguera; Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan / Ketua Bahagian Pengajian Tinggi, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menerima kunjungan muhibah daripada Setiausaha Jabatan Pendidikan Republik Filipina, Yang Berhormat Mario A.Deriquito.

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar menerima kunjungan muhibah daripada Setiausaha Jabatan Pendidikan Republik daripada Filipina, Yang Berhormat Mario A.Deriquito dan rombongan.

UNISSA terima rombongan ilmiah JEWARIS

ROMBONGAN Persatuan Pelajar Siswazah dan Persatuan Mahasiswa, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia berada di negara ini bagi mengikuti Program JEWARIS selama lima hari mulai 11 hingga 15 April 2015.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima kunjungan ilmiah daripada rombongan Persatuan Pelajar Siswazah dan Persatuan Mahasiswa, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang berhasrat untuk menjalankan Program Jejak Warisan Ilmu Islam Ke Brunei (JEWARIS) selama lima hari mulai 11 hingga 15 April 2015.

Program ini bertujuan untuk mendalami keilmuan penterjemahan, penerbitan dan penyelidikan Islam dalam kalangan mahasiswa pasca ijazahnya, di samping untuk merapatkan ukhuwah sesama Muslim di antara dua negara; Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Program JEWARIS mengambil tempat di UNISSA dengan mengadakan pertemuan antara Rektor UNISSA,

Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal dan rombongan UKM dan Interaksi Pimpinan Mahasiswa antara pelajar Sarjana UNISSA dan pelajar pasca-Ijazah UKM mengenai pengurusan organisasi kedua-dua institusi.

Kemuncak daripada program tersebut ialah Kolokium Antarabangsa JEWARIS 2015 yang akan diadakan pada 13 April 2015 di UNISSA dengan dikendalikan oleh Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan.

Sebanyak 29 kertas kerja akan dibentangkan dalam kolokium itu nanti yang melibatkan para pensyarah dan pelajar pasca-ijazah di kedua-dua institusi ini.

Rombongan UKM ini disertai oleh 18 orang ahli terdiri daripada tiga orang pensyarah pengiring dan 15 orang pelajar pasca-Ijazah yang turut mengambil peluang mengadakan lawatan ilmiah di Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan.

Jerayawara BICTA 2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Jawatankuasa Kerja Anugerah Teknologi Info-Komunikasi Brunei (BICTA) 2015 baru-baru ini telah menganjurkan jerayawara di Universiti Brunei Darussalam (UBD) untuk mempromosi pertandingan ICT itu kepada pelajar-pelajar pengajian tinggi. Jerayawara tersebut diadakan di Kampus Keusahawanan UBD dan telah dihadiri oleh lebih 30 mahasiswa dan graduan serta pensyarah.

Penyelaras Mentor Jawatankuasa Kerja BICTA 2015, Dr. Yong Chee Tuan telah memberikan ucapan alu-aluan kepada peserta diikuti dengan taklimat mengenai pertandingan BICTA 2015.

BICTA adalah pertandingan ICT tahunan yang diketuai oleh Kementerian Perhubungan dan dianjurkan bersama oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) dan Persekutuan Infocom Brunei (IFB) yang bertujuan bagi menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam industri ICT dalam kalangan individu, organisasi dan perusahaan kecil dan sederhana. BICTA adalah satu komponen pertandingan antarabangsa, Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards, di mana kualiti dan kategori yang disediakan adalah dalam talian dengan piawaian APICTA.

Terdapat tiga kategori dalam pertandingan BICTA, iaitu Kategori Projek Sekolah, Kategori Institusi Pengajian Tinggi dan Kategori Industri ICT. Setiap pemenang tempat pertama bagi kategori di atas akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND2,500, BND5,000 dan BND10,000. Terdapat juga empat Anugerah Khas pada tahun ini: Usahawan Harapan, Pemaju Belia, ICT Hijau dan Teknologi Baru.

Pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi atau mahasiswa yang ingin mengambil bahagian dalam pertandingan BICTA, mereka bolehlah mengambil bahagian dalam Kategori Institusi Pengajian Tinggi. Pelajar-pelajar atau mahasiswa mesti mendaftar di institusi pengajian tinggi tempatan masing-masing, seperti universiti dan kolej swasta di Negara Brunei Darussalam. Graduan di peringkat pengajian tinggi dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam tempoh satu tahun tamat pengajian dan mendapat persetujuan sekolah. Pelajar-pelajar boleh mengambil bahagian sama ada secara individu atau pun berkumpulan, dan diiringi oleh tutor atau penyelia untuk membimbing kemajuan mereka sepanjang pertandingan terutama di APICTA.

Jerayawara BICTA diakhiri dengan sesi taklimat mengenai standard projek ICT di peringkat APICTA oleh Penyelaras Mentor bagi BICTA 2015, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abd Latiff. Beliau juga menerangkan kepada penonton contoh-contoh projek yang pernah menang dalam APICTA. Beberapa video pemenang sebelumnya di BICTA dan APICTA dari Brunei Darussalam juga berkongsi perjalanan dan pengalaman mereka semasa menghasilkan produk-produk yang telah dimenangi.

Jerayawara seterusnya akan diadakan di Kolej International Gradute Studies (IGS) bagi pelajar pengajian tinggi pada 22 April 2015 dan taklimat tersebut akan bermula pada pukul 2.00 petang.

AITI menggalakkan semua sekolah termasuk peringkat sekolah rendah, menengah, institusi pengajian tinggi, individu tempatan dan syarikat-syarikat ICT yang mempunyai produk dan perkhidmatan ICT mereka untuk menyertai BICTA 2015. Maklumat lanjut bagi penyertaan dan borang penyertaan tersebut boleh didapati melalui laman sesawang BICTA di *www.bicta.gov.bn*. Tarikh akhir menyerahkan penyertaan (*proposals*) ialah pada 1 Mei 2015 dan penyerahan terakhir bagi produk sebenar atau prototaip pula pada 31 Julai 2015.

Sebarang maklumat lanjut mengenai kemasukan BICTA atau penyertaan jerayawara yang akan datang, sila hubungi Sekretariat BICTA di *bicta@aiti.gov.bn* atau 2366678 / 2323232 pada waktu pejabat.